



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

JUMAAT, 19 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/4/2024

| BIL | PERKARA   | SUMBER             |
|-----|---|--------------------|
| 1   | <b>RISE IN SEXUAL HARASSMENT REPORTS BY MEN: WOMEN'S MINISTRY DISCLOSES OVER 1,000 COMPLAINTS</b>   |                    |
|     | <a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1039673/rise-sexual-harassment-reports-men-womens-ministry-discloses-over-1000">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1039673/rise-sexual-harassment-reports-men-womens-ministry-discloses-over-1000</a> | NST.COM.MY         |
|     | <a href="https://www.youtube.com/watch?v=QOQYyVRLFXy">https://www.youtube.com/watch?v=QOQYyVRLFXy</a>   | YOUTUBE            |
|     | <a href="https://www.sinardaily.my/article/217318/focus/national/more-men-speaking-up-on-sexual-harassment---nancy">https://www.sinardaily.my/article/217318/focus/national/more-men-speaking-up-on-sexual-harassment---nancy</a>                                 | SINARDAILY.MY      |
|     | <a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2289212">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2289212</a>   | BERNAMA.COM        |
|     | <a href="https://majoriti.com.my/berita/2024/04/18/lebih-1000-lelaki-mengadu-kena-gangguan-seksual">https://majoriti.com.my/berita/2024/04/18/lebih-1000-lelaki-mengadu-kena-gangguan-seksual</a>   | MAJORITI.COM.MY    |
|     | <a href="https://thesun.my/local_news/nancy-more-men-speaking-up-on-sexual-harassment-BE12347699">https://thesun.my/local_news/nancy-more-men-speaking-up-on-sexual-harassment-BE12347699</a>   | THESUN.MY          |
|     | <a href="https://www.youtube.com/watch?v=RbnV1oztr7o">https://www.youtube.com/watch?v=RbnV1oztr7o</a>   | YOUTUBE            |
|     | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/660226/berita/semasa/lebih-1000-lelaki-buat-aduan-jadi-mangsa-gangguan-seksual">https://www.sinarharian.com.my/article/660226/berita/semasa/lebih-1000-lelaki-buat-aduan-jadi-mangsa-gangguan-seksual</a>         | SINARHARIAN.COM.MY |
|     | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1081250/lebih-1000-lelaki-buat-aduan-jadi-mangsa-gangguan-seksual">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1081250/lebih-1000-lelaki-buat-aduan-jadi-mangsa-gangguan-seksual</a>                           | HMETRO.COM.MY      |
|     | <a href="https://www.youtube.com/watch?v=R-z71GQkxYU">https://www.youtube.com/watch?v=R-z71GQkxYU</a>   | YOUTUBE            |
|     | <a href="https://thesun.my/cerita/nancy-aduan-berkaitan-gangguan-seksual-terhadap-lelaki-semakin-meningkat-BE12347754">https://thesun.my/cerita/nancy-aduan-berkaitan-gangguan-seksual-terhadap-lelaki-semakin-meningkat-BE12347754</a>                           | THESUN.MY          |
|     | <a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2289218">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2289218</a>   | BERNAMA.COM        |
|     | <a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/18/more-men-speaking-up-on-sexual-harassment-says-nancy-shukri/129533">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/18/more-men-speaking-up-on-sexual-harassment-says-nancy-shukri/129533</a>         | MALAYMAIL.COM      |



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/4/2024

| BIL | PERKARA   | SUMBER        |
|-----|---|---------------|
| 2   | <b>ORANG RAMAI PERLU BERANI LAPOR KES DERA - NANCY</b>  |               |
|     | <a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2289221">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2289221</a>   | BERNAMA.COM   |
|     | <a href="https://suara.tv/18/04/2024/kerjasama-strategik-perluas-advokasi-antigangguan-seksual/">https://suara.tv/18/04/2024/kerjasama-strategik-perluas-advokasi-antigangguan-seksual/</a>   | SUARA.TV      |
|     | <a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/18/report-child-abuse-cases-women-minister-tells-public/129531">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/18/report-child-abuse-cases-women-minister-tells-public/129531</a> | MALAYMAIL.COM |
|     | <a href="https://thesun.my/local_news/report-child-abuse-cases-public-told-ME12347586">https://thesun.my/local_news/report-child-abuse-cases-public-told-ME12347586</a>   | THESUN.MY     |

| BIL | PERKARA   | SUMBER             |
|-----|---|--------------------|
| 3   | <b>BANJIR DI MELAKA: LEBIH 300 PETUGAS JKM SIAP SIAGA</b>   |                    |
|     | <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-di-melaka-lebih-300-petugas-jkm-siap-siaga-466839">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-di-melaka-lebih-300-petugas-jkm-siap-siaga-466839</a>   | ASTROAWANI.COM     |
|     | <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/18/over-300-jkm-personnel-on-standby-for-floods-in-melaka">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/18/over-300-jkm-personnel-on-standby-for-floods-in-melaka</a>   | THESTAR.COM.MY     |
|     | <a href="https://www.melakahariini.my/300-petugas-jkm-siap-sedia-digerakkan/">https://www.melakahariini.my/300-petugas-jkm-siap-sedia-digerakkan/</a>   | MELAKAHARIINI.MY   |
|     | <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2024/04/banjir-melaka-lebih-300-kakitangan-jkm-diarah-siap-sedia/">https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2024/04/banjir-melaka-lebih-300-kakitangan-jkm-diarah-siap-sedia/</a>                                       | UTUSAN.COM.MY      |
|     | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/660084/edisi/melaka-ns/banjir-di-melaka-lebih-300-petugas-jkm-siap-siaga#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/660084/edisi/melaka-ns/banjir-di-melaka-lebih-300-petugas-jkm-siap-siaga#google_vignette</a> | SINARHARIAN.COM.MY |
|     | <a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2288939">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2288939</a>   | BERNAMA.COM        |
|     | <a href="https://www.youtube.com/watch?v=p9ev5nlPiBg">https://www.youtube.com/watch?v=p9ev5nlPiBg</a>   | YOUTUBE            |



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/4/2024

| BIL | PERKARA   | SUMBER              |
|-----|---|---------------------|
| 4   | <b>BOMBA SELAMATKAN KANAK-KANAK TERPERANGKAP DALAM KERETA BERKUNCI</b>  |                     |
|     | <a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1236220/bomba-selamatkan-kanak-kanak-terperangkap-dalam-kereta-berkunci">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1236220/bomba-selamatkan-kanak-kanak-terperangkap-dalam-kereta-berkunci</a> | BHARIAN.COM.MY      |
|     | <a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2289235">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2289235</a>   | BERNAMA.COM         |
|     | <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2024/04/kanak-kanak-lapan-tahun-lena-tidur-dalam-kereta-terkunci/">https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2024/04/kanak-kanak-lapan-tahun-lena-tidur-dalam-kereta-terkunci/</a>                   | UTUSAN.COM.MY       |
|     | <a href="https://malaysiagazette.com/2024/04/18/ibu-ke-kedai-kanak-kanak-terkunci-dalam-kereta/">https://malaysiagazette.com/2024/04/18/ibu-ke-kedai-kanak-kanak-terkunci-dalam-kereta/</a>   | MALAYSIAGAZETTE.COM |
|     | <a href="https://thesun.my/cerita/bomba-selamatkan-kanak-kanak-terperangkap-dalam-kereta-BE12347475">https://thesun.my/cerita/bomba-selamatkan-kanak-kanak-terperangkap-dalam-kereta-BE12347475</a>   | THESUN.MY           |
|     | <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/budak-lelaki-terkunci-20-minit-dalam-kereta/">https://www.buletintv3.my/nasional/budak-lelaki-terkunci-20-minit-dalam-kereta/</a>   | BULETINTV3.MY       |
|     | <a href="https://suaramerdeka.com.my/ibu-cemas-anak-8-tahun-terkunci-dalam-kereta/">https://suaramerdeka.com.my/ibu-cemas-anak-8-tahun-terkunci-dalam-kereta/</a>   | SUARAMERDEKA.COM.MY |
|     | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/660191/berita/semasa/ibu-cemas-anak-terkunci-dalam-kereta">https://www.sinarharian.com.my/article/660191/berita/semasa/ibu-cemas-anak-terkunci-dalam-kereta</a>   | SINARHARIAN.COM.MY  |
|     | <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/04/18/ibu-panik-anak-terkunci-20-minit-lena-tidur-dalam-kereta/">https://www.kosmo.com.my/2024/04/18/ibu-panik-anak-terkunci-20-minit-lena-tidur-dalam-kereta/</a>   | KOSMO.COM.MY        |

| BIL | PERKARA   | SUMBER              |
|-----|---|---------------------|
| 5   | <b>BAPA DERA ANAK 6 BULAN HINGGA MAUT DIDAKWA ESOK</b>  |                     |
|     | <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/04/18/bapa-dera-anak-6-bulan-hingga-maut-didakwa-esok/">https://www.kosmo.com.my/2024/04/18/bapa-dera-anak-6-bulan-hingga-maut-didakwa-esok/</a>   | KOSMO.COM.MY        |
|     | <a href="https://malaysiapost.com.my/2024/04/18/bapa-dera-anak-6-bulan-hingga-maut-didakwa-esok/">https://malaysiapost.com.my/2024/04/18/bapa-dera-anak-6-bulan-hingga-maut-didakwa-esok/</a>   | MALAYSIAPOST.COM.MY |
|     | <a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/lelaki-dipercayai-bunuh-anak-kandung-6-bulan-akan-dihadap-di-mahkamah-esok/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/lelaki-dipercayai-bunuh-anak-kandung-6-bulan-akan-dihadap-di-mahkamah-esok/</a> | BULETINTV3.MY       |



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK




[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/4/2024

| BIL | PERKARA   | SUMBER         |
|-----|---|----------------|
| 6   | <b>PEKERJA KEDAI MAKAN MENGAKU ROGOL TEMAN WANITA HINGGA LAHIR ANAK</b>   |                |
|     | <a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1236134/pekerja-kedai-makan-mengaku-rogol-teman-wanita-hingga-lahir-anak">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1236134/pekerja-kedai-makan-mengaku-rogol-teman-wanita-hingga-lahir-anak</a> | BHARIAN.COM.MY |
|     | <a href="https://www.youtube.com/watch?v=KsX-iv2h5ss">https://www.youtube.com/watch?v=KsX-iv2h5ss</a>   | YOUTUBE        |
|     | <a href="https://www.youtube.com/watch?v=7wyMWJ1sbTA">https://www.youtube.com/watch?v=7wyMWJ1sbTA</a>   | YOUTUBE        |



## Rise in sexual harassment reports by men: Women's Ministry discloses over 1,000 complaints

By Nor Ain Mohamed Radhi - April 18, 2024 @ 5:49pm



Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri has disclosed that over 1,000 complaints were received from men through the Social Support Centres (PSSS) during the ministry's KPWK@Advocacy Anti-Sexual Harassment Roadshow. - Bernama pic

GOMBAK: There has been a significant rise in reports of sexual harassment filed by men, revealed the Women, Family and Community Development Ministry.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri disclosed that over 1,000 complaints were received from men through the Social Support Centres (PSSS) during the ministry's KPWK@Advocacy Anti-Sexual Harassment Roadshow.

"Initially, there were only a few reports from men. However, with the introduction of our counselors and active outreach efforts, more men have come forward to share their experiences," she explained.

Speaking at the Kasih Semurni Usaha Seminar @Anti-Sexual Harassment and the launch of the zero sexual harassment campaign on campus at the International Islamic University of Malaysia (IIUM), Nancy highlighted the importance of addressing sexual harassment issues.

IIUM president Tan Sri Shamsuddin Osman and the ministry's secretary-general Datuk Dr Maziah Che Yusoff were also present at the event, organised by the Social Institute of Malaysia (ISM) and IIUM.

The Anti-Sexual Harassment Advocacy Roadshow, initiated last year in Putrajaya, is aimed at raising awareness about sexual harassment in society.


Nancy noted that 14 roadshows were conducted last year, with over 19,423 participants from diverse backgrounds.

Meanwhile, Nancy said the Tribunal for Anti-Sexual Harassment (TAGS) began its operation on March 11 to receive complaints regarding sexual harassment occurring on or after March 8.

"The tribunal provides an alternative channel to civil courts to expedite sexual harassment complaints with minimal cost.

"The establishment of this tribunal is not intended to take over the functions of the court but to provide victims with options to either file complaints with the tribunal or take civil action in court," she said.

"Section 8 of Act 840 states that there is no overlap in jurisdiction between the tribunal and civil courts. At the same time, victims can still file police reports for investigations to be conducted for criminal action to be taken against the perpetrators," she added.



## ORANG RAMAI PERLU BERANI LAPOR KES DERA - NANCY



fb Hajah Nancy Haji Shukri

18/04/2024 08:02 PM


KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) – Orang ramai perlu berani untuk tampil melaporkan sebarang kes penderaan terutamanya di kawasan kejiranan mereka.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata perkara itu boleh dilaporkan secara terus melalui Talian Kasih 15999 yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

“Talian 15999 telah diperkenalkan tetapi rakyat perlu ada keberanian untuk melapor (kes penderaan), malah mereka (pengadu) juga tidak akan didedahkan nama. Apa yang penting supaya masalah itu dilapor dan kita boleh bertindak,” katanya.

Nancy berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kasih Semurni Usaha KPWK @ Antigangguan Seksual serta pelancaran Kempen “Zero Sexual Harassment on Campus” anjuran Institut Sosial Malaysia (ISM) dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai kes seorang bayi lelaki berusia enam bulan yang maut dipercayai menjadi mangsa deraan bapa kandung dalam kejadian di Pangsapuri Baiduri, Bandar Tasik Kesuma, Semenyih, Selangor pada Isnin lepas.



## Banjir di Melaka: Lebih 300 petugas JKM siap siaga

Bernama  
18/04/2024 09:10 MYT



*Lebih 300 petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri diletakkan dalam keadaan siap siaga untuk berdepan situasi banjir di Melaka walaupun dalam tempoh sambutan Hari Raya Aidilfitri. - Gambar fail Bernama*

**MELAKA:** Lebih 300 petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri diletakkan dalam keadaan siap siaga untuk berdepan situasi banjir di Melaka walaupun dalam tempoh sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Nordin berkata, petugas jabatan itu akan ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) bagi membantu mangsa banjir khususnya memastikan aspek kebajikan dan keselesaan mereka.

"Petugas JKM Melaka antara yang pertama akan turun padang untuk membantu mangsa banjir walaupun sekarang ini masih dalam suasana berhari raya dan perkhidmatan yang diberikan juga adalah terbaik dalam apa jua situasi.

"Antara perkhidmatan ditawarkan JKM kepada mangsa banjir ialah sesi kaunseling bagi membantu meredakan emosi mereka yang terjejas harta benda dan penjagaan 24 jam di PPS terlibat," katanya kepada pemberita di Kompleks Japerun Pengkalan Batu, di sini, lewat malam tadi.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Pengkalan Batu berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Dewan Undangan Negeri itu yang turut dihadiri Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd Ali Rustam dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Kalsom berkata, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di kawasan terjejas banjir digesa memainkan peranan proaktif bagi memastikan mangsa mendapat bantuan yang disediakan kerajaan negeri seperti kit makanan dan bantuan kewangan.

Bagaimanapun, katanya, permohonan perlu mengikut prosedur ditetapkan untuk memudahkan penerimaan bantuan.

"Ada borang yang perlu diisi selain laporan polis berkaitan rumah mereka yang terjejas banjir dan gambar kejadian serta ia disahkan JPKKK atau Ketua Kampung kerana proses ini melibatkan kewangan," katanya.

Beberapa kawasan di tiga daerah di Melaka terjejas banjir kilat ekoran hujan lebat lebih dua jam dan beberapa PPS turut dibuka bermula Ahad lepas. - BERNAMA



## Bomba selamatkan kanak-kanak terperangkap dalam kereta berkunci

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad - April 18, 2024 @ 4:42pm  
bhnews@bh.com.my



Seorang murid Tahun Dua diselamatkan anggota bomba selepas terkunci di dalam kereta kira-kira 20 minit di Jalan Lagenda 1, Taman Lagenda, Melaka, petang tadi. NSTP/Ihsan Bomba

MELAKA: Seorang murid Tahun Dua diselamatkan anggota bomba selepas terkunci di dalam kereta kira-kira 20 minit di Jalan Lagenda 1, Taman Lagenda, di sini, petang tadi.

Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Melaka Tengah, Pegawai Bomba Kanan I, Mohd Ismail Harun, berkata pihaknya menerima panggilan daripada ibu kanak-kanak itu pada jam 2.56 petang memaklumkan anak lelakinya terperangkap di dalam kereta yang terkunci.

Beliau berkata, susulan itu, sepasukan sembilan anggota Pasukan Keluaran Operasi (PKO) dikejarkan ke lokasi bagi menyelamatkan mangsa.

Katanya, sebaik tiba di lokasi enam minit kemudian, anggota PKO mendapati orang awam cuba membantu untuk membuka pintu kereta Honda Civic FD itu, namun gagal.

"Anggota bomba menggunakan alat khas dinamakan 'spacer kit' dan berjaya membuka pintu kereta terbabit dan mendapati kanak-kanak lelaki sedang tidur dengan enjin kenderaan dalam keadaan hidup.

"Difahamkan, kanak-kanak itu ditinggalkan oleh ibunya untuk ke kedai berdekatan dan cemas apabila mendapati anaknya tertidur dipercayai akibat cuaca panas.

"Walaupun cuba mengejutkan anaknya termasuk dengan bantuan orang awam, pengadu kemudian menghubungi bantuan bomba," katanya menerusi kenyataan di sini.

Beliau berkata, pasukan bomba mengambil masa lima minit untuk membuka pintu kereta berkenaan dan mendapati kanak-kanak lelaki itu sedang tidur serta tidak mengalami sebarang kecederaan dan diserahkan kepada ibunya.



## Bapa dera anak 6 bulan hingga maut didakwa esok

Oleh TUAN NURHIDAYAH TUAN AB.GHANI 18 April 2024, 1:31 pm



Gambar hiasan.

KAJANG – Bapa kandung yang tergamak mendera anak berusia enam bulan hingga maut di sebuah rumah pangsapuri, Bandar Tasik Kesuma, Beranang, di sini, Ahad lalu, bakal dihadapkan ke mahkamah esok.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kajang, Superintendan Mohamad Nasir Drahman berkata, bapa berusia 25 tahun itu akan didakwa di Mahkamah Majistret Bandar Baru Bangi bagi kesalahan membunuh.

“Suspek akan didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

“Sebelum ini, suspek ditahan pada Isnin untuk bantu siasatan kes kematian bayi lelaki berusia enam bulan di kediamannya,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Terdahulu Kosmo! melaporkan hasil pemeriksaan awal mendapati, tiada kecederaan dikesan pada badan mangsa sebelum dihantar ke Forensik Hospital Kajang untuk bedah siasat.

Bagaimanapun, pakar mengesahkan kecederaan mangsa bukan disebabkan kemalangan tetapi disebabkan perbuatan jenayah ke atas mangsa.

Sumber sebelum ini memberitahu, bayi malang itu mengalami keretakan di kepala akibat dihentak pada sofa.

Selain kecederaan itu, mulut mangsa juga disumbat dengan kain, badan ditelangkup sebelum dibiarkan dalam bilik tanpa dipasang kipas.

Menurut isteri suspek, 20, suspek seperti berada di bawah pengaruh dadah sebelum dia meninggalkan kediaman untuk keluar makan malam bersama keluarganya sekitar pukul 8 malam.

Suspek dikatakan ‘naik berang’ berpunca bunyi bising dan tidak tahan mendengar tangisan bayi lelaki berkenaan. –KOSMO! ONLINE.



## Pekerja kedai makan mengaku rogol teman wanita hingga lahir anak

Oleh Alias Abd Rani - April 18, 2024 @ 1:39pm  
bhnews@bharian.com.my



MUAR: Pekerja kedai makan mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen hari ini atas pertuduhan merogol kenalan bawah umur sehingga melahirkan bayi, di sebuah rumah dalam daerah Batu Pahat, tahun lalu.

Tertuduh, Ong Cheng Jun, 19, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan, dibacakan di hadapan Hakim Irwan Suaibon.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa merogol kenalannya berusia 15 tahun ketika kejadian di rumahnya di Batu Pahat sekitar jam 5 petang, Januari tahun lalu.

Bagi kesalahan ini, tertuduh boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan juga boleh dikenakan sebatan.

Berdasarkan laporan polis, kejadian itu disedari seorang guru selepas mendapati berlaku perubahan fizikal terhadapnya.

Guru kemudian mengajukan perkara itu kepada ibu bapa mangsa namun mereka tidak mempercayai sebaliknya menyangka anaknya mengalami masalah kesihatan perut.

Pada 21 Ogos tahun lalu, mangsa dibawa ke Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI), Batu Pahat untuk menjalani pemeriksaan dan doktor mengesahkan dia sudah hamil 23 minggu ketika itu.

Susulan itu, keluarga mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat mengenai kejadian itu.

Bertindak atas maklumat, polis berjaya menahan tertuduh di Jalan Tanjung Laboh, Batu Pahat pada jam 3 petang, 25 September tahun lalu.

Mangsa dilaporkan sudah berhenti sekolah dan selamat melahirkan bayi lelaki pada Oktober tahun lalu.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pendakwaan memberitahu mahkamah bahawa pihaknya tidak menawarkan jaminan terhadap tertuduh kerana kesalahan dilakukannya serius.

Setelah meneliti hujahan dan rayuan tertuduh, mahkamah membenarkannya diikat jamin sebanyak RM8,000 dengan seorang penjamin.

Pada masa sama, mahkamah menetapkan 23 April ini untuk sebutan semula kes, laporan sosial, fakta dan juga hukuman terhadap tertuduh.



Cheng Jun dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar selepas mengaku merogol teman wanita yang kini sudah melahirkan anak. - NSTP/Alias Abd Rani